

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 11 April 2025

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, FEBRUARI 2025

Penganggur pada Februari terus menurun kepada 532.8 ribu orang dengan kadar pengangguran 3.1 peratus

PUTRAJAYA, 11 APRIL 2025 – Penganggur pada Februari terus menurun kepada 532.8 ribu orang dengan kadar pengangguran sebanyak 3.1 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Februari 2025**. Statistik ini memperihalkan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan Februari 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Kedudukan tenaga buruh negara kekal stabil selaras dengan perkembangan ekonomi semasa yang menggalakkan. Dalam hal ini, bilangan tenaga buruh pada bulan Februari 2025 berada dalam trend yang meningkat, naik sebanyak 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 17.27 juta orang (Januari 2025: 17.22 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu pada 70.7 peratus (Januari 2025: 70.6%). Peningkatan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja dan trend penurunan dalam bilangan penganggur merupakan penyumbang kepada kedudukan positif ini.”

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, bilangan penduduk bekerja pada Februari 2025 menunjukkan peningkatan berterusan dengan pertambahan sebanyak 0.3 peratus, menjadikan jumlah keseluruhan seramai 16.73 juta orang, berbanding 16.68 juta orang pada bulan Januari 2025. Pada masa yang sama, bilangan penganggur mengalami penurunan sebanyak 0.2 peratus, berkurang kepada 532.8 ribu orang (Januari 2025: 533.8 ribu orang). Kadar pengangguran kekal pada 3.1 peratus, tidak berubah daripada bulan sebelumnya.

Mengulas mengenai senario guna tenaga, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa pada bulan Februari 2025, kategori pekerja yang merangkumi 75.2 peratus daripada jumlah penduduk bekerja naik sebanyak 0.2 peratus kepada 12.59 juta orang (Januari 2025: 12.56 juta orang). Begitu juga, bilangan penduduk yang bekerja sendiri meningkat sebanyak 0.6 peratus, mencecah kepada 3.13 juta orang (Januari 2025: 3.11 juta orang).

Mengikut sektor ekonomi, sebahagian besar penduduk bekerja adalah tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, terutamanya dalam aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; Perdagangan borong & runcit; dan Maklumat & komunikasi. Trend guna tenaga yang sama juga dilihat dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, dan Pertanian, manakala bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perlombongan & pengkuarian menurun.

Menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan Februari 2025, Ketua Perangkawan Malaysia menjelaskan bahawa 79.3 peratus daripada bilangan penganggur adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, atau penganggur aktif. Dalam kategori ini, bilangan tersebut menurun sebanyak 0.2 peratus merekodkan 422.7 ribu orang (Januari 2025: 423.6 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif, 63.7 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 5.6 peratus berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Begitu juga, bilangan penganggur tidak aktif, atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, menurun sebanyak 0.1 peratus kepada 110.1 ribu orang (Januari 2025: 110.2 ribu orang).

Pada bulan Februari 2025, kadar pengangguran dalam kalangan belia berumur 15 hingga 24 tahun tidak berubah iaitu pada 10.3 peratus, merekodkan 298.9 ribu penganggur belia (Januari 2025: 10.3%; 299.3 ribu orang). Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun kekal pada 6.3 peratus, dengan bilangan penganggur menurun kepada 401.6 ribu orang (Januari 2025: 6.3%; 402.4 ribu orang).

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan penduduk di luar tenaga buruh menurun sedikit iaitu sebanyak 0.02 peratus kepada 7.15 juta orang (Januari 2025: 7.15 juta orang). Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komposisi terbesar bagi penduduk di luar tenaga buruh iaitu sebanyak 43.7 peratus, diikuti dengan bersekolah/ latihan pada 41.6 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh kemajuan berterusan dalam projek jangka panjang, peningkatan pendapatan isi rumah dan keadaan monetari global yang mereda. Selain itu, struktur ekonomi negara yang pelbagai dan polisi yang menyokong telah mempengaruhi kedudukan pasaran buruh negara pada bulan tersebut. Kerajaan turut melaksanakan pembaharuan untuk meningkatkan keterangkuman tenaga kerja, mengurangkan


kebergantungan terhadap buruh asing, dan menggalakkan automasi dan mekanisasi. Langkah-langkah ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti tinggi dan meningkatkan produktiviti. Oleh itu, prospek pasaran buruh Malaysia dilihat meyakinkan pada bulan-bulan akan datang, disokong oleh dasar dan pelaburan yang mantap dalam industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (GHV).

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari^r 2024, Februari^r 2024, Disember^r 2024, Januari 2025, Februari 2025



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Januari^r 2024, Februari^r 2024, Disember^r 2024, Januari 2025, Februari 2025



**Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari^r 2024, Februari^r 2024, Disember^r 2024,
Januari 2025, Februari 2025**



Nota: ^r Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 APRIL 2025**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA, FEBRUARY 2025

February's unemployed continues to reduce to 532.8 thousand persons with an unemployment rate of 3.1 per cent

PUTRAJAYA, APRIL 11, 2025 – February's unemployed continues to reduce to 532.8 thousand persons with an unemployment rate of 3.1 per cent, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, February 2025**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Enlightening on the overall performance for February 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, “The country’s labour force position remains stable in accordance with the encouraging current economic developments. In this sense, the number of labour force in February 2025 was on an increasing trend, rising by 0.3 per cent month-on-month to 17.27 million persons (January 2025: 17.22 million persons). A higher labour force participation rate was recorded during the month at 70.7 per cent (January 2025: 70.6%). A steady increase in the number of employed persons and a declining trend in the number of unemployed persons were the reasons for this positive situation.”

According to the Chief Statistician Malaysia, the number of employed persons in February 2025 saw further improvement with a 0.3 per cent rise, bringing the total to 16.73 million persons, compared to 16.68 million persons in January 2025. At the same time, the number of unemployed persons experienced a decrease of 0.2 per cent, falling to 532.8 thousand persons (January 2025: 533.8 thousand persons). The unemployment rate held steady at 3.1 per cent, unchanged from the previous month.

Addressing the employment scenario, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin pointed out that in February 2025, the employees’ category accounting for 75.2 per cent of the total

employed persons rose by 0.2 per cent to 12.59 million persons (January 2025: 12.56 million persons). Similarly, the number of own-account workers increased by 0.6 per cent, reaching 3.13 million persons (January 2025: 3.11 million persons).

In terms of economic sector, most of the employed persons were concentrated in the Services sector, largely in Accommodation and food & beverage services; Wholesale & retail trade; and Information & communication activities. A similar trend of employment was also observed in the Manufacturing, Construction, and Agriculture sectors, while the number of employed persons in the Mining & quarrying sector decreased.

Providing further clarification on the unemployment situation in February 2025, the Chief Statistician Malaysia highlighted that 79.3 per cent of the unemployed persons were those who were available for work and were actively seeking jobs, or actively unemployed. Within this category, the number fell by 0.2 per cent to record 422.7 thousand persons (January 2025: 423.6 thousand persons). Among the actively unemployed, 63.7 per cent were those who were unemployed for less than three months, whereas 5.6 per cent were in long-term unemployment for more than a year. Likewise, the number of inactively unemployed, or those who believed no jobs were available, declined by 0.1 per cent to 110.1 thousand persons (January 2025: 110.2 thousand persons).

In February 2025, the unemployment rate among youth aged 15 to 24 years was unchanged at 10.3 per cent, recording 298.9 thousand unemployed youths (January 2025: 10.3%; 299.3 thousand persons). On the same note, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years remained at 6.3 per cent, with the number of unemployed decreasing to 401.6 thousand persons (January 2025: 6.3%; 402.4 thousand persons).

As for the inactivity group, the number of persons outside the labour force declined marginally by 0.02 per cent to 7.15 million persons (January 2025: 7.15 million persons). Housework and family responsibilities were the largest composition of the outside labour force at 43.7 per cent, followed by schooling/ training at 41.6 per cent.

Concluding the statement, the Malaysian economy is expected to remain resilient, supported by continued progress in long-term projects, increased household income and the easing of global monetary conditions. Furthermore, the country's diversified economic structure and supportive policies have positively influenced the country's labour market position during the month. The government also has implemented reforms to enhance workforce inclusivity, reduce reliance on foreign labour, and promote automation and mechanisation. These measures aim to create high-quality employment opportunities and improve productivity. Thus, Malaysia's labour market outlook appears promising in the upcoming months, supported by robust policies and investments in high-growth and high-value (HGHV) industries.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aim to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20 October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Employed persons, Malaysia, January^r 2024, February^r 2024, December^r 2024, January 2025 and February 2025






Chart 2: Unemployment, Malaysia, January^r 2024, February^r 2024, December^r 2024, January 2025 and February 2025



**Chart 3: Outside labour force, Malaysia, January^r 2024, February^r 2024, December^r 2024,
January 2025 and February 2025**



Note:^r Revision based on the current population estimates from Population and Housing Census 2020

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

11th APRIL 2025